

Kesalahan tatabahasa Melayu dalam pembelajaran bahasa kedua

ABSTRAK

Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti jenis kesalahan struktur ayat, menganalisis kesalahan struktur ayat dalam pembelajaran bahasa kedua dan menghuraikan langkah mengatasi kesalahan tatabahasa dalam pembelajaran bahasa kedua. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan, pemerhatian dan kepustakaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar bahasa kedua merangkumi kekeliruan atau ketidakjelasan struktur ayat, penggunaan kata kerja yang tidak gramatis, dan kesalahan imbuhan dan ejaan. Kajian ini dapat membantu guru bahasa Melayu merancang dan melaksanakan strategi pembelajaran dan pengajaran yang lebih berkesan dan efisien.

Kata kunci: Kesalahan tatabahasa; Bahasa kedua; Struktur ayat; Kata kerja; Pelajar India